

Soalan No: 81

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 3.8.2017

SOALAN :

Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah sebab-sebabnya kes buli di sekolah-sekolah kebangsaan meningkat dan apakah langkah-langkah Kementerian Pendidikan untuk mengawal atau menghapuskan terus kes-kes buli ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa masalah disiplin murid termasuk gejala buli masih berlaku. Antara faktor berlakunya gejala buli dalam kalangan murid ialah kurangnya didikan dan penghayatan agama, kurang perhatian dan kasih sayang, kurang pengawasan ibu bapa, persekitaran sekolah, konsep sendiri yang rendah, pengaruh negatif rakan sebaya, pengaruh media bercorak keganasan dan keadaan persekitaran/komuniti yang kurang prihatin. Murid-murid juga terdedah dengan penggunaan alat komunikasi

moden dan pengaruh media sosial tanpa menyedari bahawa mereka terikat dengan disiplin dan peraturan sekolah serta tata susila masyarakat.

Sejak dahulu, KPM serius menangani buli termasuk buli siber melalui mekanisme pencegahan, penguatkuasaan peraturan sekolah, intervensi kepada mangsa dan menjalinkan kerjasama padu dengan semua pihak. Pihak sekolah telah diberi peringatan melalui surat-surat pekeliling dan garis panduan mencegah serta menangani buli dalam kalangan murid. Pelbagai program kesedaran gejala buli dilaksanakan secara bersepadu di dalam kurikulum, kokurikulum dan pembinaan sahsiah. Murid turut dilibatkan menjadi pembimbing rakan sebaya melalui kelab pakaian beruniform dan Kelab Penjegahan Jenayah Sekolah. Sebagai langkah pengukuhan, Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah telah diulang cetak pada tahun 2014 untuk edaran dan panduan pihak sekolah.

Dari segi penguatkuasaan peraturan sekolah, Jawatankuasa Disiplin Sekolah berperanan menjalankan siasatan dan mencadangkan hukuman dan langkah intervensi kepada pentadbir sekolah. Semua guru merupakan guru disiplin dan bertanggungjawab membentuk sahsiah murid di samping membudayakan konsep sekolah penyayang. Pihak sekolah turut mengadakan Mesyuarat Permuafakatan Sekolah melibatkan PPD, PIBG, Polis, ibu bapa terlibat dan pihak berkepentingan yang lain. Hukuman keras seperti rotan dan buang sekolah merupakan langkah akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF

TARIKH : 3.8.2017

SOALAN : NO.82

Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan jumlah penerima biasiswa MyPhD semenjak Program MyBrain15 diperkenalkan dan sejauh mana pencapaian sasaran 60,000 pemegang PhD dalam kalangan rakyat Malaysia menjelang tahun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2011 sehingga 30 Jun 2017, seramai 11,113 orang pelajar telah ditawarkan penajaan di bawah Program MyBrain15 iaitu 10,789 orang bagi MyPhD dan 324 orang di bawah MyPhD Industri. Dalam usaha KPT untuk membantu sumber pembiayaan pendidikan pelajar, beberapa program selain MyPhD telah dilaksanakan antaranya MyBrain15, Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dan penyaluran geran penyelidikan serta 9 jenis bantuan kewangan lain.

Berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi Negara menunjukkan bahawa universiti awam (UA) telah melahirkan 14,279 orang pemegang ijazah kedoktoran (PhD) dari tahun 2012 hingga 2016. Kementerian Pendidikan

Tinggi (KPT) melalui Majlis Dekan Pengajian Siswazah juga sedang membangunkan Pelan Halatuju Pengajian Siswazah Malaysia 2017 – 2025 untuk dijadikan panduan kepada UA dalam mentadbir dan mengurus program pengajian siswazah masing-masing agar dapat melahirkan graduan PhD yang berkualiti dan mencapai sasaran negara.

KPT juga melalui Lonjakan 6: Pemantapan Tadbir Urus telah dan sedang memperkukuhkan semula dasar serta hala tuju pendidikan tinggi bagi menjayakan semua inisiatif yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Melalui penurunan kuasa berperingkat, UA bertanggungjawab untuk memastikan program Sarjana dan Kedoktoran yang hendak ditawarkan mencapai sasaran serta mampu menjana pendapatan dan lebih berdaya saing. Dengan cara ini, ia akan memberi ruang kepada UA untuk menawarkan program Sarjana dan Kedoktoran yang bersesuaian, relevan dengan keperluan guna tenaga negara dan menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan tinggi Negara. Ini secara langsung akan membantu meningkatkan jumlah graduan PhD yang dikeluarkan oleh UA

SOALAN (83)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 3 OGOS 2017
[KHAMIS]
DARIPADA : TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]
SOALAN :

YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah kos telah dibelanja ke atas unit PEMANDU, apakah hasil pencapaian unit itu dan status kedudukan terkini badan Kerajaan ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) telah ditubuhkan pada tahun 2009 untuk menjadi unit peneraju bagi mewujudkan sistem pengurusan prestasi yang merangkumi petunjuk prestasi utama (KPI) dan menginstitusikan budaya penyelesaian masalah yang sistematik dan efektif dalam perkhidmatan awam. Oleh itu, PEMANDU telah diberikan peruntukan tahunan untuk membantu mentadbir urus perbelanjaan operasi dalam menjayakan pemantauan KPI dan pelaksanaan projek di bawah Program Transformasi Negara (NTP). Hasilnya, pelaksanaan NTP tahun demi tahun telah menunjukkan kejayaan yang memberansangkan, dan telah membawa negara kita semakin hampir kepada tahap negara maju menjelang tahun 2020. Penilaian dan kemajuan NTP secara mendalam boleh dirujuk pada halaman-halaman laporan tahunan terkini yang boleh diperolehi di laman sesawang PEMANDU.

Selari dengan pencapaian NTP, didapati bahawa keupayaan daya saing Perkhidmatan Awam telah meningkat saban tahun. Secara tidak langsung, kebanyakan usaha berkenaan pelaksanaan projek NTP kini

diterajui pihak kementerian yang terlibat tanpa sokongan penuh dari PEMANDU.

Pada tahun 2017, berdasarkan keupayaan daya saing Perkhidmatan Awam yang semakin meningkat, keputusan telah dibuat untuk membubarkan PEMANDU dan memulakan proses peralihan di mana fungsi PEMANDU akan diterajui oleh Unit Penyampaian Perkhidmatan Awam di bawah pimpinan Ketua Setiausaha Negara.

Sekian, terima kasih.

3 Ogos 2017

SOALAN (84)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 3 OGOS 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]

SOALAN :

YB DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Malaysia akan terus mengamalkan dasar khusus setiap kaum melalui peruntukan tertentu.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan keturunan, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan setiap rakyat dalam kalangan semua kaum mendapat faedah secara saksama daripada pelaksanaan dasar-dasar pembangunan sosioekonomi. Pencapaian matlamat ini akan meningkatkan integrasi sosial dan perpaduan nasional serta kestabilan negara.

Semangat dan matlamat tersebut termaktub dalam dasar-dasar pembangunan sosioekonomi negara semenjak tahun 1971 yang mula dilaksanakan melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB). Setelah DEB tamat pada tahun 1990 dasar pembangunan nasional berikutnya adalah seperti Dasar Pembangunan Negara (DPN)(1991-2000) dan Dasar Wawasan Negara (DWN) (2001-2010) dan Dasar Transformasi Negara (DTN) (2020-2050).

Pelaksanaan dasar-dasar tersebut adalah berteraskan kepada konsep dan kerangka pembangunan 'pertumbuhan dengan pengagihan' atau,

dengan izin, '*growth with equity*'. Komitmen ini dibina atas kesedaran bahawa pengagihan kekayaan yang saksama yang dikongsi oleh semua kaum dan lapisan masyarakat.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan meneruskan kerangka pembangunan di atas dengan lebih memberi penekanan kepada konsep pembangunan inklusif berasaskan keperluan bertujuan untuk memastikan akses yang saksama kepada penyertaan dalam ekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia. Fokus diberikan kepada golongan berkeperluan khusus dan mudah terjejas (*vulnerable*) dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40), merangkumi isi rumah berpendapatan rendah dan isi rumah berpendapatan menengah rendah. Inisiatif program sepanjang RMKe-11 adalah berdasarkan keperluan (*needs-based*) yang mencakupi pelbagai dimensi. Pendekatan ini memastikan tiada kumpulan masyarakat yang akan tercicir daripada mendapat peluang dan manfaat pertumbuhan ekonomi tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi, dan kedudukan geografi, selaras dengan prinsip "*no one left behind*".

Sekian, terima kasih.
3 Ogos 2017